

07/02/1998

Merealisasi mata wang tunggal Asean

KOMITMEN Asean untuk bergabung tenaga dan mencanai idea menangani masalah ekonomi yang dihadapi semakin terserlah. Pemimpin pertubuhan serantau itu percaya, hanya kerjasama dan semangat setiakawan yang dibajai selama ini menjadi penawar paling mujarab bagi mengubati kepayahan sekarang. Lantaran mereka tidak putus asa malah terus mencari pelbagai formula menerusi perbincangan secara formal atau sebaliknya menyusun strategi dan mengenal pasti mekanisme menyelesaikan masalah.

Mengharapkan ihsan orang lain untuk menangani masalah di kalangan negara anggota bukanlah langkah bijak. Selain sumber yang banyak dan kedudukan politik yang stabil, Asean masih mempunyai pemimpin yang inovatif, berani mencuba dan sanggup menanggung risiko. Bagi pemimpin Asean, bertindak sendiri adalah langkah lebih terhormat daripada mengharapkan bantuan yang kebiasaannya mempunyai tujuan di sebaliknya.

Walaupun kita boleh mengecam, membidas, mengutuk keras dan menyalahkan pihak lain sehingga ekonomi sesebuah negara terancam atau mungkin runtuh oleh perbuatan mereka, tidak banyak yang boleh dibuat menghalang kegiatan itu. Mereka bermaharajalela melapah dan menyambar keuntungan kerana mengetahui tiada siapa yang dapat mengekang secara langsung perbuatan itu. Lantaran itu, kerana ruang masih terbuka luas, mereka akan terus berani tanpa mempedulikan cacian dan cemuhan masyarakat antarabangsa. Apa yang berlaku sekarang menyaksikan negara di Asia khususnya Asean juga tidak terkecuali. Baht Thailand pernah terjerumus dan tewas dalam permainan mereka. Ia diikuti peso Filipina dan kemudian semacam penyakit hawar, merebak dan menyerang ringgit Malaysia dan rupiah Indonesia. Walaupun beberapa negara masih dapat bertahan, tidak ada jaminan Asean boleh terselamat daripada serangan bertubi-tubi jika mereka membuat keputusan bertindak lagi.

Dalam menjayakan semangat Asean yang sudah genap 30 tahun penubuhannya, banyak kerjasama dilaksanakan sama ada dari aspek, ekonomi, politik mahupun sosial. Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dalam usaha meliberalisasikan perdagangan di rantau ini dan Skim Tarif Keutamaan Berkesan Sama Rata (CEPT) adalah contoh terbaik. Pemimpin Asean akur persefahaman jitu, ikrar untuk sentiasa bersama di samping mekanisme terperinci yang boleh diterima semua dapat memperkuatkan benteng perdagangan agar tidak mudah diganggu-gugat.

Lantaran langkah Malaysia, Thailand dan Indonesia bersetuju menubuhkan sebuah rumah penjelasan pusat bagi mengendalikan perdagangan di antara negara Asean dengan menggunakan mata wang masing-masing, seperti yang diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, adalah kesinambungan kepada ikrar itu sudah dipersetujui dilaksanakan sebelum ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum, perdagangan menggunakan urus niaga mata wang yang mewakili setiap negara berdagang adalah cadangan Asean bagi mengelakkan kejatuhan nilai mata wang negara anggota. Pastinya langkah itu dapat mengurangkan kos urus niaga memandangkan nilai dolar Amerika meningkat. Perkembangan terbaru ini jelas membawa mesej usaha bersama anggota Asean ke arah memperbaiki keadaan ekonomi di rantau kini semakin mantap.

Apabila rumah penjelasan ini beroperasi, kita percaya ia akan menjadi pusat pengantaraan kepada setiap perdagangan yang diuruskan dengan nilai mata wang negara terbabit.

Jika Indonesia mengurus niaga dengan Thailand, ia mestilah menggunakan rupiah Indonesia atau bath Thailand. Walaupun mekanismenya belum

diputuskan, bagi setiap barangan yang hendak dijual, harganya perlulah ditetapkan dengan harga berpandukan nilai mata wang negara pengeluar. Jika ia membabitkan keluaran Malaysia, harganya ditetapkan dalam ringgit (RM) dan pembeli dari Indonesia perlu membayarnya dalam RM. Begitu juga jika membeli barangan Indonesia yang harganya perlulah ditetapkan dalam rupiah dan pembeli dari negara ini membayarnya dengan rupiah. Dengan menggunakan kaedah ini, semua perdagangan membabitkan negara Asean ini tidak lagi akan menggunakan dolar Amerika. Jika urusan niaga ini dilaksanakan secara intensif, bayangkanlah betapa dolar Amerika tidak lagi aktif di pasaran negara Asean. Pasti kedudukan mata wang negara Asean akan lebih kukuh. Kita percaya apabila kaedah ini diterima baik oleh semua negara anggota, usaha Asean mewujudkan mata wang tunggal seperti Euro, khususnya untuk tujuan perdagangan semakin mudah menjadi kenyataan.

(END)